

**48 Pembekal Netbook 1Malaysia Dilantik Menerusi Tender Terbuka - Shabery Bernama**  
**Jun 19, 2014**

KUALA LUMPUR, 19 JUN (Bernama) -- Kementerian Komunikasi dan Multimedia melantik 48 pembekal menerusi tender terbuka untuk menyalurkan netbook 1Malaysia kepada guru-guru di negara ini, kata Menteri Datuk Seri Ahmad Shabery Cheek di Dewan Rakyat hari ini.

Beliau berkata dengan kos keseluruhan RM400 juta, pemberian dilakukan menggunakan dana Pemberian Perkhidmatan Sejahtera.

Dana itu disalurkan pembekal perkhidmatan telekomunikasi di negara ini, iaitu enam peratus hasil jualan mereka dimasukkan ke dalam tabung yang turut digunakan untuk membeli netbook kepada murid-murid seluruh negara sebelum ini.

"Pembelian dikendalikan kementerian melalui Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia Malaysia (SKMM). Proses pemberian ini akan dilaksanakan dengan kerjasama Kementerian Pendidikan," katanya pada persidangan Dewan Rakyat di sini.

Ahmad Shabery menjawab soalan Nurul Izzah Anwar (PKR-Lembah Pantai) yang bertanyakan kos ditanggung kementerian untuk menyalurkan netbook 1Malaysia kepada 400,000 guru sempena sambutan Hari Guru baru-baru ini.

Beliau berkata setiap netbook disertakan dengan jaminan selama setahun daripada 174 pusat servis di seluruh negara jika ada kerosakan.

-- BERNAMA

Copyright © 2014 BERNAMA

Source: <http://www.bernama.com/bernama/v7/bm/newsindex.php?id=1047697>